

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persepsi Kerajaan berkaitan tahap rasuah negara dan apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk memastikan SPRM mampu bergerak sebagai entiti yang berkesan untuk membanteras gejala rasuah di dalam negara Malaysia memandangkan bahawa indeks rasuah negara dan persepsi Negara luar masih di tahap yang tidak membanggakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Transformasi penstrukturan dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) pada tahun

2009 sendiri telah mencerminkan hasrat kerajaan bagi memastikan SPRM bertindak secara telus, bebas dan profesional dalam melaksanakan tugas dan peranannya. Penubuhan SPRM ini juga berlandaskan kepada modul penubuhan ICAC Hong Kong yang diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya di peringkat antarabangsa dalam usaha pencegahan rasuah.

Tambahan pula, program Transformasi Negara (GTP), Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang dilaksanakan merentasi Kementerian, Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan merupakan usaha untuk meningkatkan kedudukan dan skor Malaysia dalam CPI. Namun harus diingat, usaha-usaha ini bukan bersifat 'one off' tetapi bersifat jangka panjang yang mengambil masa bertahun-tahun. Ia memerlukan pembinaan kapasiti, memperkasa institusi, pindaan terhadap undang-undang bagi meningkatkan keberkesanan, memperkukuh proses dan mengubah budaya penjawat awam. Kerajaan komited untuk terus melaksanakan perubahan sehingga hasilnya dapat dirasai oleh masyarakat.

Sekian, terima kasih.